

## Memperkasa Kepimpinan Ahli Akademik Anak Generasi Felda (AGF): Suatu Analisis Daya Tahan

Norzaini Azman<sup>a</sup>, Nor Hafiza Othman<sup>b</sup>, Sharina Abdul Halim<sup>c</sup>, Faizah Abd. Majid<sup>d</sup>, Mohd Izani Mohd Zain<sup>e</sup>, Ibrahim Komoo<sup>a</sup>, Yusliza Yusuff, Norshidah Mohamed Noordin<sup>d</sup>, Roslina Ismail<sup>a</sup>, Mohd Ferdaus Harun<sup>g</sup>, Zainal Abidin Sanusi<sup>h</sup>

<sup>a</sup>Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia

<sup>b</sup>Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

<sup>c</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

<sup>d</sup>Universiti Teknologi Mara, Malaysia

<sup>e</sup>Universiti Putra Malaysia, Malaysia

<sup>f</sup>Universiti Sains Malaysia, Malaysia

<sup>g</sup>Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia

<sup>h</sup>Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKePT), Malaysia

\*Corresponding author: zaini.azman@umt.edu.my

### Abstract

The purpose of the study is to examine the resiliency characteristics of FELDA first generation academics namely: engagement; challenges and control, while the academics were growing up in the FELDA environment. The study employed a qualitative methodology that included semi structured interviews involving 68 academics from seven public universities who were identified as FELDA first generation. The findings showed that persistence and hardship due to their socioeconomic disadvantages while growing up in FELDA environment had resulted the respondents to be more resilient in escaping from poverty. The FELDA first generation academics somehow managed to turn their challenges into opportunities and worked harder towards success. These findings indicate that the academics from FELDA are able to overcome various forms of adversity in their lives. The respondents also seemed to possess resiliency characteristics which are optimism, locus of control and hardiness. Besides providing implications for further understanding of resiliency characteristics among FELDA first generation academics, this study also suggests strategies for recruiting and training university young academic talents particularly in their professional advancement activities.

*Keywords:* Resiliency; academics; academic leadership; FELDA

### Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti ciri-ciri daya tahan ahli akademik Anak Generasi Felda (AGF) yang mencakupi tiga aspek iaitu penglibatan, cabaran dan kawalan ketika mereka membesar di sekitar FELDA. Kajian kualitatif ini menggunakan teknik temu bual separa berstruktur yang melibatkan seramai 68 orang ahli akademik AGF daripada tujuh buah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang dipilih menerusi kaedah persampelan. Hasil utama dapatan kajian menunjukkan faktor desakan dan kesempitan hidup sewaktu membesar dalam persekitaran FELDA menjadikan responden lebih berdaya tahan untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Mereka juga melihat cabaran sebagai peluang untuk berkembang dengan lebih maju. Ini secara tidak langsung menggambarkan ahli akademik AGF mampu menghadapi perubahan dan cabaran di sekitar mereka. Justeru, kebanyakan responden mempunyai ciri daya tahan iaitu optimis, lokus kawalan dan ketabahan. Kajian ini memberi sumbangan kepada pemahaman baharu mengenai ciri daya tahan dalam kalangan ahli akademik AGF. Ini sekali gus membawa cadangan kepada strategi pemilihan bakat akademik serta latihan dan bimbingan bakat akademik di peringkat institusi khususnya dalam penyediaan aktiviti pengembangan profesionalisme.

*Kata kunci:* Daya tahan, ahli akademik, kepimpinan akademik; FELDA

© 2014 Penerbit UTM Press. All rights reserved

## 1.0 PENGENALAN

Daya tahan adalah aliran pemikiran dan cara berfikir yang mempengaruhi secara langsung bagaimana seseorang itu menghadapi ancaman dan cabaran sama ada ancaman dan cabaran itu dianggap sesuatu yang merosakkan atau peluang tersembunyi (Couto, 2002; Russel & Russel, 2006). Daya tahan juga dikaitkan dengan tekanan yang mana individu yang kurang berdaya tahan didapati mudah mengalah semasa berada di bawah tekanan (Maddi & Koshaba, 2005). Ini menunjukkan individu yang berdaya tahan mempunyai kekuatan dalaman dan mempercayai bahawa tekanan boleh diubah dan berubah kerana mereka dapat mengawalinya. Oleh itu, individu berdaya tahan mempunyai sikap positif dan motivasi yang kuat walaupun berhadapan dengan risiko dan kesukaran.

Menurut Waaktar *et al.* (2004), pengalaman silam atau latar belakang individu yang susah dapat menjadikan mereka lebih berdaya tahan. Ini kerana mereka lebih tertumpu atau fokus terhadap kekuatan berbanding merasa tertekan tentang sesuatu trauma atau masalah yang

dihadapi. Tambahan pula, hanya individu yang berdaya tahan boleh maju dalam pekerjaan dan berjaya menghadapi sebarang bentuk perubahan dengan cara berusaha mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang timbul (Maddi & Koshaba, 2005, Masten, 2001). Secara tidak langsung, ini menunjukkan pengalaman peribadi individu mempengaruhi perjalanan kerjaya mereka. Kenyataan ini disokong melalui kajian terdahulu yang mendapati kejayaan kerjaya boleh dilihat sama ada secara objektif atau subjektif di sepanjang kerjaya individu berdasarkan pengalaman dan kehidupan silam (Seibert *et al.*, 2001; Heslin, 2003; Breland *et al.*, 2007). Justeru, pengalaman silam individu dapat menjadi dorongan atau galakan yang boleh meningkatkan motivasi dan seterusnya menjadikan individu tersebut berdaya tahan ataupun sebaliknya.

FELDA adalah penempatan baharu yang tersusun dan dibangunkan oleh kerajaan bertujuan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat di desa terpencil dan serba kekurangan. Usaha transformasi masyarakat desa ini bermatlamat menyediakan tempat baharu untuk pertanian dan sekitaran yang dilengkapi dengan kemudahan asas untuk membasmi kemiskinan dan kesejahteraan masyarakat. Oleh kerana FELDA merupakan satu pendekatan transformasi masyarakat yang tersusun di luar bandar, ia mempunyai banyak cabaran khususnya dalam pembangunan pendidikan dan sosial masyarakat generasi muda. Pada awal penubuhan sehingga ke tahun 1990 an, masyarakat FELDA sering dikaitkan dengan kehidupan terpinggir yang serba kekurangan dan miskin yang membanting tulang mengusahakan tanah pertanian (Nor Aini, 2004; Ibrahim Komoo *et al.*, *in.press*).

Pelbagai kesusahan dan cabaran terpaksa ditempuh oleh warga peneroka dan keluarga mereka. Kehidupan mereka pernah diibaratkan seperti ‘kais pagi makan pagi, kais petang makan petang’. Pelbagai kesusahan dan cabaran terpaksa ditempuh oleh mereka untuk mencari nafkah dalam meneruskan kehidupan. Akibatnya, wujud segelintir peneroka yang terpaksa bekerja di luar rancangan FELDA untuk menambah pendapatan bulanan bagi membesarkan anak-anak dan menyara pendidikan mereka. Kesusahan yang dialami mendorong mereka untuk berusaha lebih gigih bagi mengubah nasib keluarga. Dalam erti kata lain, individu yang berdaya tahan tidak mudah mengalah dan berputus asa terhadap tekanan yang dihadapi.

Kini, kehidupan masyarakat FELDA sudah berubah sama sekali. FELDA telah berjaya mengeluarkan sebilangan besar masyarakat Malaysia dari bawah paras garis kemiskinan dan menikmati kualiti hidup yang sejahtera (Felda, 2011). Menurut Nor Aini (2004), sejak FELDA ditubuhkan pada Julai 1956, FELDA telah berjaya menempatkan kira-kira 114,897 buah keluarga di 304 buah tanah rancangan di seluruh negara. Sehingga kini, dianggarkan lebih 700,000 orang generasi kedua FELDA telah dilahirkan. Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar mereka telah berjaya melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan berjaya dalam bidang masing-masing.

Ini selari dengan kenyataan Datuk Ahmad Maslan iaitu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa seramai 76,415 anak generasi Felda kini menuntut di IPT (Utusan Malaysia, 2010). Daripada jumlah tersebut seramai 47,688 orang memperoleh Diploma, 27,160 orang memperoleh Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana, sementara 1,567 orang memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD). Secara tidak langsung, fakta dan statistik ini menggambarkan anak generasi FELDA mampu mengubah kehidupan mereka serta mencapai kecemerlangan. Namun, jika diteliti jumlah anak generasi FELDA yang telah berjaya memperoleh Ijazah PhD, kita boleh mengandaikan bahawa hanya segelintir sahaja anak generasi Felda yang berminat untuk menceburi dunia akademik. Ini kerana hanya 23% sahaja (dari jumlah 1,567) yang memiliki PhD memilih bidang akademik sebagai pilihan kerjaya. Nilai peratusan ini adalah berdasarkan jumlah ahli akademik di IPTA yang berjaya dikenal pasti melalui kajian profil yang dijalankan oleh Norzaini *et al.* (2014).

Sehubungan itu, kajian ini penting untuk mendalami latar belakang serta cabaran yang menjadikan ahli akademik AGF berdaya tahan ketika membesar dalam persekitaran FELDA. Seterusnya, dapat melihat bagaimana pengalaman mereka melalui kesukaran hidup tetapi tetap berjaya boleh dijadikan contoh untuk membantu anak generasi FELDA lain dalam menempuh kesukaran kehidupan di sekitaran FELDA. Ini seterusnya menjadikan ahli akademik AGF sebagai suri teladan kepada anak FELDA yang ingin menceburi profesion akademik.

## ■ 2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti sama ada pengalaman membesar di sekitaran Felda mempengaruhi daya tahan ahli akademik AGF berdasarkan tiga aspek iaitu penglibatan, kawalan dan cabaran. Oleh itu, objektif kajian ini adalah:

- i. Meneroka penglibatan ahli akademik AGF dalam sekitaran Felda yang menjadikan mereka berdaya tahan;
- ii. Mengetahui cabaran di sekitaran Felda yang memberi impak positif kepada daya tahan dalam kalangan ahli akademik AGF; dan
- iii. Memahami kawalan yang ada dalam ahli akademik AGF yang menjadikan mereka berdaya tahan.

## ■ 3.0 TINJAUAN LITERATUR

Terdapat pelbagai istilah atau konsep daya tahan yang diguna pakai dalam pelbagai bidang seperti psikologi, ekologi, pengurusan sumber, pengurusan risiko, kesihatan dan keselamatan (Gardner & Dekens, 2007; Fiksel, 2006; Fleming dan Ledogar, 2008; Luthans *et al.*, 2007). Menurut Fleming dan Ledogar (2008), kajian mengenai daya tahan dimulakan atau dipelopori dalam kalangan ahli psikologi dan pakar psikiatri. Terdapat dua tema utama dalam mentakrif konsep daya tahan. Takrifan pertama merujuk kepada daya tahan sebagai adaptasi positif di sebalik kesusahan dan daya tahan terbina daripada dua dimensi yang tersendiri iaitu kesusahan dan adaptasi positif (Luthans *et al.*, 2007). Jika diaplikasi dengan tempat kerja, daya tahan dijelaskan sebagai kapasiti psikologi positif untuk kembali semula dengan mengalami perubahan positif dan menunjukkan kemajuan serta peningkatan tanggungjawab daripada keadaan kesusahan ketidakpastian, konflik dan kegagalan (Luthans *et al.*, 2007).

Dalam takrifan kedua, beberapa pengkaji mendefinisikan daya tahan sebagai keupayaan atau kebolehan individu untuk menghadapi kesukaran dan bangkit daripada cabaran hidup yang membelenggu (Mairean & Turliuc, 2011; Maddi & Khoshaba, 2005; Narayanan, 2008; Walch, 2003). Ia melibatkan proses yang memerlukan jangka masa dalam membina keupayaan agar dapat bergelut, menguasai halangan dan meneruskan kehidupan. Takrifan ini juga lebih tertumpu atau berfokus kepada kekuatan dalaman individu. Berdasarkan Kamus Dewan (2007), perkataan ‘daya’ bermaksud kekuatan, tenaga dan keupayaan, manakala perkataan ‘tahan’ bermaksud sanggup menderita sesuatu

dan tabah menanggung kesusahan. Sehubungan itu, daya tahan boleh didefinisikan sebagai keupayaan menanggung derita dan kesusahan dengan tabah.

Daya tahan menerangkan bahawa individu yang berdaya tahan memiliki beberapa kriteria atau ciri psikologi tertentu yang dikenal pasti menerusi konsep sendiri (Coutu, 2002; Glicken, 2006). Ini dapat dijelaskan berdasarkan penilaian individu ke atas pengalaman atau penglibatan mereka terhadap sesuatu peristiwa yang dilalui. Menurut Tugade & Fredrickson (2004), individu berdaya tahan mempunyai emosi positif yang tinggi yang mana mereka dilihat mempunyai pendekatan optimis, cergas dan bertenaga terhadap kehidupan selain mempunyai sikap ingin tahu dan bersifat terbuka kepada pengalaman baharu. Oleh itu, setiap individu yang berdaya tahan mempunyai cara yang tersendiri untuk menangani trauma dan tekanan serta optimis terhadap masa depan.

Selain itu, individu yang berdaya tahan memiliki sikap proaktif iaitu penglibatan, cabaran dan kawalan dengan sebarang perubahan dan bencana (Maddi & Khoshaba, 2005). Ini bermakna individu yang mempunyai ketahanan diri akan terus terlibat dengan persekitaran yang berlaku berbanding menghindarinya. Selain itu, mereka akan mengawal masalah yang dihadapi berbanding bersikap berputus asa. Mereka juga optimis dan mempunyai lokus kawalan dalaman yang tinggi. Pada masa yang sama, mereka akan mengatasi tekanan berbanding berserah kepada nasib semata-mata.

Individu yang berdaya tahan juga memiliki beberapa kriteria tertentu iaitu keupayaan untuk menerima realiti atau sesuatu kenyataan, kecenderungan untuk mencari pengertian atau makna terhadap kesukaran yang dihadapi dan keupayaan untuk mengguna apa sahaja yang dimiliki (Coutu, 2002). Dalam erti kata lain, individu yang berdaya tahan tidak akan cuba melarikan diri atau tunduk kepada tekanan yang dihadapi, tetapi mengharunginya dengan cara menetapkan sasaran yang bermakna dan berusaha dengan gigih untuk mencapai sasaran tersebut tanpa ada perasaan takut kepada kegagalan. Hakikatnya, individu yang berdaya tahan dapat berhadapan dengan sebarang perubahan dan cabaran. Ini bermakna individu yang mempunyai ketahanan diri akan terus mengharungi persekitaran yang memberi pelbagai cabaran dan kesusahan berbanding menghindarinya atau menjauhinya. Oleh itu, individu berdaya tahan mampu melihat cabaran sebagai peluang untuk berkembang dengan lebih maju pada masa hadapan.

Selain itu, Fredrickson (2001) dan Glicken (2006) menyatakan emosi positif penting dalam meningkatkan ketahanan diri berdasarkan sumber fizikal, intelek dan sosial. Individu berdaya tahan mempelajari daripada halangan kehidupan dan menggunakan daya fikiran dan ilmu untuk menghadapinya dengan berkesan. Secara tidak langsung, emosi positif akan menghasilkan individu yang berdaya tahan, iaitu mudah menyesuaikan diri dan segera pulih daripada peristiwa negatif. Tambah beliau lagi, individu berdaya tahan akan meningkatkan emosi positif dan sentiasa mengamalkannya. Ini bermaksud individu yang berdaya tahan dapat meneruskan kehidupan mereka dalam keadaan yang sihat serta membantu orang lain menerusi contoh teladan yang baik.

Secara umumnya, ciri daya tahan boleh dirumuskan kepada beberapa elemen iaitu optimis, cergas, bertenaga, ketabahan, efikasi sendiri, lokus kawalan dalaman, bertanggungjawab, keazaman dan emosi positif (Coutu, 2002; Fredrickson, 2001; Glicken, 2006; Maddi & Khosaba, 2005; Tugade & Fredrickson, 2004). Ini menggambarkan bahawa individu yang mempunyai kualiti daya tahan yang tinggi akan lebih bersedia dalam apa jua cabaran dan kebiasaannya mengecapi kecemerlangan dalam kehidupan. Dengan menggunakan rumusan ciri daya tahan sebagai panduan, definisi operasi bagi daya tahan dalam makalah ini adalah keupayaan dan kemampuan seseorang individu untuk menangani segala cabaran dan kekangan dalam meneruskan kehidupan serta melakukan sesuatu tindakan dengan lebih baik dan positif.

Seterusnya, ciri positif daya tahan boleh dipelajari atau dibangunkan supaya potensi yang ada dalam setiap individu dapat diserlahkan. Ini diakui oleh Al-Siebert (2005) bahawa sebahagian kumpulan manusia yang dilahirkan berdaya tahan, manakala sebahagian lagi memiliki potensi daya tahan terpendam yang boleh cepat dikembangkan mengikut keinginan. Ini bermakna seseorang individu yang mempunyai keinginan untuk mengatasi rintangan akan berusaha untuk mencapai sesuatu yang baik dalam kehidupan mereka. Kenyataan ini selari dengan Aboolamali dan Mahmudi (2013) iaitu daya tahan individu adalah sangat penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik. Justeru, terdapat lima tahap dalam proses perkembangan potensi daya tahan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

**Jadual 1.1** Proses perkembangan potensi daya tahan

Tahap	Aktiviti Mengembangkan Potensi Daya Tahan
Pertama	Mengoptimumkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup
Kedua	Memberi fokus kepada cabaran dalam menyelesaikan masalah
Ketiga	Memberi fokus kepada mengoptimumkan tiga dimensi minda-jasad iaitu harga diri, keyakinan diri dan konsep sendiri positif
Keempat	Mendedahkan kepada pengetahuan baharu seperti optimis, pemikiran positif dan ketabahan
Kelima	Menyesuaikan diri dengan situasi yang mengganggu, dengan cepat

Sumber: Al-Siebert (1995)

Selain itu, individu yang berdaya tahan mempunyai hubungan positif dengan pencapaian akademik yang mana boleh meningkatkan kualiti atau output (Bernard, 1991; Wagnlid & Collins, 2009; Kimberly & Gordon, 2001; Gilligan, 2001). Ini bermakna daya intelek individu boleh menjadi salah satu faktor daya tahan khususnya kepada individu yang pernah menjalani kehidupan susah. Justeru, individu yang berdaya tahan tidak akan terganggu dari segi prestasi, kelakuan dan kesihatan kerana mereka akan berusaha untuk mencari penyelesaian kepada pelbagai jenis tekanan atau mengubah tekanan tersebut menjadi peluang bagi mereka menempa kejayaan. Dalam kajian ini, proses memahami potensi kepimpinan ahli akademik generasi FELDA perlu diselami dalam konteks daya tahan menghadapi cabaran membesar dalam persekitaran FELDA. Usaha untuk mendalami latar belakang, daya tahan, cabaran dan strategi kejayaan ahli akademik yang membesar dalam persekitaran FELDA adalah penting untuk dikongsi bersama dengan generasi yang lain atau masyarakat lain yang mempunyai latar belakang luar bandar dan terpinggir.

#### ■4.0 METHODOLOGI

Jadual 1.2 memaparkan perincian responden akademik generasi FELDA yang terlibat dalam kajian ini. Taburan responden dari Universiti Komprehensif menunjukkan peratusan tertinggi iaitu 50%, diikuti Universiti Komprehensif Berfokus (23.5%), Universiti Teknikal (14.7%)

dan Universiti Penyelidikan (11.8%). Bagi tujuan kajian ini, ahli akademik generasi FELDA diklasifikasikan dalam tiga peringkat iaitu; generasi pertama, kedua dan ketiga. Generasi pertama ditakrifkan sebagai kumpulan peneroka, kakitangan dan mereka yang bertugas di sekitar FELDA. Generasi kedua pula merupakan anak peneroka dan dibesarkan atau bersekolah di sekitar FELDA. Manakala, generasi ketiga terdiri daripada anak generasi kedua FELDA yang dilahirkan dan bersekolah di sekitar FELDA atau yang tidak dilahirkan di FELDA tetapi dibesarkan dan bersekolah di sekitar FELDA.

**Jadual 1.2** Maklumat responden

Institusi	Bilangan	Felda Asal
Universiti Komprehensif	34 orang	Felda Pasoh 3, Felda Adela, Felda Jengka 5, Felda Jengka 11, Felda Selendang, Felda Chempelak, Labis Felda Jengka 6, Felda Jengka 22 Felda Keratong, Felda Selancar, Felda Bukit Kepayang, Felda Sungai Panching Utara, Felda Kerteh 2, Felda Teloi Timur, Felda Jengka 8, Felda Jengka 18
Universiti Penyelidikan	8 orang	Felda Sungai Tengi, Felda Taib Andak, Felda Nerang 1, Felda Gunung Besout, Felda Jengka 4, Felda Trolak Selatan
Universiti Teknikal	10 orang	Felda Adela, Felda Tun Ghaffar Hutan Percha, Felda Cahaya Baru, Felda Kemelas, Felda Semenchu, Felda Tenggaroh Selatan, Felda Sening, Felda Sungai Kelamah, Felda Jerangau Felda Jelai, Felda Sg Tekam, Felda Mata Air, Felda Tenang; Felda Bukit Rokan, Felda Kahang Barat
Universiti Berfokus	Komprehensif 16 orang	Felda Jerangau, Felda Kerteh, Felda Inas, Felda Keratong 6, Felda Jengka 12

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan teknik temu bual kumpulan berfokus separa berstruktur. Pendekatan kajian kualitatif membolehkan pengkaji memahami dan menerangkan keadaan sebenar sesuatu fenomena dengan sebaiknya (Merriam, 2009). Dalam kajian ini, temu bual kumpulan berfokus dijalankan untuk membolehkan penyelidik memahami persepsi, tingkah laku, emosi, ciri daya tahan dan strategi kejayaan ahli akademik yang membesar dalam persekitaran FELDA. Teknik temu bual kumpulan berfokus memudahkan pengkaji mencungkil maklumat yang mana selalunya salah seorang daripada peserta kajian akan mula bercakap atau bertanya kepada yang lain untuk mendapatkan kepastian (Noraini, 2010; Farnkel & Wallen, 2007). Semasa sesi temu bual, ahli penyelidik telah bertindak sebagai moderator dan menggunakan protokol temu bual, perakam audio serta membuat catatan untuk maklumat penting. Temu bual separa berstruktur tidak rigid dan bukan tertakluk kepada soalan-soalan yang telah disediakan sahaja tetapi temu bual jenis ini membolehkan responden untuk berbincang mengenai soalan atau isu lain yang mereka rasakan perlu dan penting.

Menurut Azizi (2007), saiz sampel dalam kajian kualitatif tidak dapat ditentukan dari awal kajian sebagaimana dalam kajian kuantitatif. Pemilihan sampel dan analisis data adalah berterusan hingga sampai ke satu tahap yang mana tiada lagi maklumat yang baru ditemui atau maklumat yang diperolehi sudah bertindan dengan maklumat yang diperolehi sebelumnya. Pemilihan sampel temu bual dilakukan menerusi kaedah persampelan berstrata bagi memastikan sampel kajian yang komprehensif iaitu mewakili setiap jenis universiti (universiti penyelidikan, universiti komprehensif, universiti komprehensif berfokus dan universiti teknikal). Seterusnya, tujuh temu bual kumpulan berfokus yang melibatkan 68 orang responden telah dipilih menerusi kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi memastikan setiap responden mewakili bidang sains, sains sosial dan bidang profesional serta kesediaan mereka terlibat dalam kajian ini.

Protokol temu bual separa struktur telah dibentuk dan ia mengandungi sembilan soalan utama yang mana kesemua soalan ini memberi peluang kepada responden untuk mengupas pengalaman silam sebagai anak FELDA. Di samping itu, pengalaman silam responden juga dikaitkan dengan pencapaian kerjaya sehingga mereka menjadi ahli akademik di IPTA. Bagi memastikan protokol temu bual dapat digunakan, kajian rintis telah dijalankan untuk memastikan soalan yang dikemukakan tidak menimbulkan kesukaran dan difahami oleh responden yang sebenar nanti. Kajian rintis adalah penting kepada penyelidik untuk menyemak kesahan instrumen yang digunakan serta mengetahui kekangan-kekangan yang mungkin timbul dalam proses pengumpulan data (Glesne, 1999). Satu temu bual kumpulan berfokus yang melibatkan enam orang ahli akademik FELDA dari dua buah universiti telah dijalankan untuk melihat kesesuaian soalan temu bual. Dapatan kajian rintis menunjukkan tiada masalah set protokol temu bual. Namun, terdapat kesukaran yang dikesan bagi menjawab beberapa soalan serta terdapat soalan yang memberikan jawapan yang hampir sama. Justeru, soalan tersebut telah dipermudahkan ayat dan terdapat juga beberapa soalan yang memberi jawapan yang hampir sama.

Seterusnya, data yang diperolehi telah dibuat transkripsi verbatim dan penganalisan data telah melalui beberapa tahap iaitu reduksi data; paparan hasil; pengenalpastian corak dan tema; dan membuat semakan berdasarkan perbincangan ahli penyelidik secara kumpulan (*member checking*) (Bogdan & Biklen, 2006; Miles & Huberman, 1994). Dalam kajian ini, data transkripsi dianalisis secara manual dan tema yang diperolehi diadaptasi daripada kajian Maddi & Khoshaba (2005) iaitu penglibatan, kawalan dan cabaran. Data yang diperolehi dikodkan dan kod-kod petikan digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Pengkodan memudahkan pengkaji untuk memahami maklumat yang diperolehi dan menjadi panduan kepada pengkaji untuk menentukan apakah yang harus difokuskan kepada matlamat seterusnya. Kategori dan subkategori pengkodan telah dibangunkan sebaik saja pengumpulan data pertama dilakukan. Kajian ini dihentikan apabila pengkaji berasakan tidak wujud data yang baharu dan data yang dikumpul bersifat tepu (*saturated data*) serta mampu menjawab persoalan kajian. Ini menunjukkan maklumat yang diperolehi dalam kalangan responden adalah tekal dan hampir sama.

Selain itu, proses penganalisan data menggunakan pendekatan interpretif-deskriptif iaitu pendekatan yang menjelaskan seberapa tepat yang boleh tentang apa yang difahami oleh pengkaji dan menghuraikan semula dalam bentuk jelas dan difahami. Analisis data juga telah melibatkan proses mencari dan menyusun data secara sistematik. Seterusnya, perbincangan ahli penyelidik (*member checking*) telah dijalankan untuk menganalisis kesahan dapatan kajian. Menurut Turner dan Coen (2008), perbincangan ahli penyelidik (*member checking*) sering digunakan sebagai kesahan data dalam bidang sains sosial sebagai alat utama untuk menguji kredibiliti dalam analisis kualitatif. Di

samping itu, untuk memudahkan analisis data temu bual yang dijalankan, responden dikodkan berdasarkan jenis universiti iaitu Universiti Komprehensif (AU), Universiti Penyelidikan (BU), Universiti Teknikal (CU) dan Universiti Komprehensif Berfokus (DU) serta nombor responden sebagai RX.

## 5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan secara terperinci dan menyeluruh data yang telah diperolehi daripada persoalan kajian berhubung dengan daya tahan dalam kalangan ahli akademik Anak Generasi FELDA. Data yang diperolehi melalui temu bual telah ditranskripsikan secara manual dan dapatan kajian diperjelaskan berdasarkan tiga tema iaitu penglibatan di sekitaran FELDA, menangani cabaran dan kawalan. Setiap tema utama ini dikupas dan disokong dengan kenyataan petikan daripada responden.

### 5.1 Penglibatan di Sekitaran FELDA

Berdasarkan Maddi dan Khoshaba (2005), penglibatan bermaksud kepercayaan seseorang untuk mengharungi sesuatu kesukaran atau kesulitan yang menjadikan individu berdaya tahan. Dalam konteks kajian ini, penglibatan adalah pengalaman responden ketika membesar di sekitaran FELDA yang membuatkan mereka berdaya tahan. Berdasarkan dapatan temu bual, responden telah menggambarkan desakan dan kesempitan hidup ketika kecil telah menjadikan mereka lebih berdaya tahan. Berikut adalah beberapa petikan mencerminkan suasana kesukaran menghadapi kehidupan semasa kecil:

*Memang payahlah. Zaman kesusahan tu memang saya rasa. Zaman kesusahan itu mengajar saya.*  
(DU-R2)

*...keluarga saya ni kira kais pagi makan pagi kais petang makan petang,... kadang-kadang makan kadang-kadang tidak.*  
(AU-R1)

*...Dulu hidup susah. Tak ada api, elektrik. Pakai generator. Dan pakai seterika arang. Bila naik tingkatan 1, baru ada elektrik.*  
(DU-R5)

*Zaman saya memang tak ada elektrik lagi. Selain tu, bekalan air pun tak berapa elok sangat. Oleh kerana atas faktor kesusahan, pernah satu ketika, bapa saya tak mampu nak bayar air, kami terpaksa ambil air dari paya di belakang rumah. Kalau air tak ada, kami terpaksa pergi kebun ambil air pada waktu malam guna tong.*  
(CU-R1)

*...dulu susah. Air memang tak ada. Depan rumah ada sungai kecil. Masa tu kelapa sawit baru tanam. Jadi memang tak ada hasil.*  
(DU-R3)

Tambahan pula, dalam keadaan keluarga serba kekurangan, mereka harus sama-sama memikul tanggungjawab seperti ahli keluarga yang lain dalam mencari rezeki di samping meneruskan kehidupan sebagai pelajar sekolah. Responden telah menyatakan;

*...SRP saya dapat bagus. Tapi tak boleh pindahlah [pindah ke sekolah yang lebih baik]. Komitmen di ladang ada. Oleh sebab kesusahan, di samping usahakan kebun sendiri, saya usahakan kebun orang. Bila balik sekolah petang tu, saya pergi ke kebunlah, untuk dapat duit sampingan. Dan kebun tu jarak nya bukan dekat. Dari situlah saya dapat motivasi atau kekuatan dalaman.*  
(BU-R1)

*... dari darjah lima, saya mula kenal ladang. Bukan pendidikan. Saya tahu bila pergi ladang, dapat duit. Saya dah mula kenal duit. Bila saya dah naik ke tingkatan satu, mak ayah saya terbabit dalam kemalangan. Jadi saya ambil alih urusan ladang. Pukul 7 pagi saya pergi ke ladang dulu. Saya terpaksa lalui perkara tu hingga ke tingkatan lima. Pergi sekolah ni hanya untuk memenuhi kehendak pada masa itu. Apabila saya bekerja sendiri, saya dapat duit.*  
(DU-R2)

*Kekangan duit menjadi semangat untuk berjaya. Pengalaman susah menjadikan diri untuk lebih bersedia. Pada masa itu, pendapatan keluarga kurang akibat daripada pokok kelapa sawit yang tiada hasil dan terpaksa ditebang. Saya terpaksa struggle untuk mencari duit tambahan. Saya pernah buat part-time job di kilang sabun.*  
(AU-R7)

Secara umumnya, dapatan menunjukkan pengalaman perit membesar di sekitaran FELDA telah mengajar ahli akademik AGF tentang transisi perjalanan kehidupan untuk mencapai kejayaan dan ia telah mendorong mereka untuk lebih berdaya tahan dalam mencari hala tuju kehidupan dengan lebih jelas. Keadaan ini membuktikan bahawa kesusahan yang dialami sewaktu membesar di sekitaran FELDA bukan menjadi penghalang kepada ahli akademik AGF untuk berjaya tetapi menjadi pendorong kepada mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam kehidupan. Ini terbukti apabila kebanyakan mereka terdiri daripada pelajar sekolah yang aktif dan cemerlang dalam aktiviti akademik, kokurikulum dan kepimpinan. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian lain yang menetapkan bahawa individu yang berdaya tahan berkebolehan meneruskan kehidupan mereka dalam keadaan yang sihat dan istimewa serta dapat membantu orang lain menerusi contoh tingkah laku yang baik (Glicken, 2006; Waakar et al., 2004; Gilligan, 2000).

Kajian Waakar et al. (2004) misalnya turut mengesahkan bahawa kesusahan hidup yang ditempuhi pada masa lepas akan menjadikan seseorang itu lebih berdaya tahan dalam kehidupan. Ini menunjukkan individu yang berdaya tahan tidak akan tunduk kepada tekanan atau masalah yang dihadapi, malah mereka menetapkan sasaran yang bermakna dan berusaha dengan gigih untuk mencapai sasaran tersebut. Dapatan hasil kajian Maddi dan Khoshaba (2005) menambah bahawa individu yang berkeupayaan menerima realiti atau kenyataan hidup akan berkemampuan untuk bersedia dalam menghadapi sebarang kemungkinan dalam hidup. Oleh itu, dengan adanya ketahanan diri dalam

diri individu dan bersikap terbuka terhadap pengalaman baru, ia dapat menyokong cita-cita dan aspirasi kerjaya terhadap masa depan (Glicken, 2006; Tugade & Fredrickson, 2004).

## 5.2 Menangani Cabaran

Cabaran dalam konteks kajian ini ialah kemampuan responden untuk berhadapan dengan realiti dan menjadikan cabaran yang dihadapi sebagai peluang untuk berjaya dalam kehidupan (Maddi & Khoshaba, 2005). Berdasarkan dapatan temu bual, responden didapati berupaya dan mampu untuk menangani segala cabaran dan kekangan dalam meneruskan kehidupan. Mereka sentiasa bersikap teguh dan kuat dalam setiap tindakan yang dilakukan walaupun berhadapan dengan risiko dan kesukaran. Hal ini dapat dilihat apabila mereka juga sama-sama memikul tanggungjawab seperti ahli keluarga yang lain dalam mencari rezeki untuk keluarga di samping meneruskan kehidupan sebagai pelajar sekolah. Petikan di bawah memberikan gambaran situasi ini:

*...kita nak rasa berjaya, kita tak nak mengambil kemiskinan mak ayah kita... maknanya tak nak mewarisilah.*  
(CU-R2)

*Saya rasa kepayahan melihat mak bapak kita susah. Dan kita pun rasa kesusahan. Pagi-pagi pergi ladang. Hasil nya sikit sahaja walau kita mengerah tenaga.*  
(BU-R4)

*Macam saya, sekolah tengah hari, pagi tu pergi kebun dulu. Dari situ saya rasa, ia mencetus perasaan... aku tak nak jadi macam ni.*  
(BU-R3)

Ini menggambarkan responden tidak tunduk kepada cabaran atau tekanan yang dihadapi, malah mereka lebih positif untuk mencapai kejayaan. Menurut Glennie (2010), daya tahan digambarkan sebagai proses pembangunan yang dinamik dan bertindak balas secara positif selepas menghadapi risiko ataupun kesusahan. Di samping itu, individu yang berdaya tahan akan lebih tertumpu atau fokus terhadap kekuatan berbanding mengambil tahu tentang sesuatu cabaran. Seterusnya, responden juga menyatakan bahawa mereka teguh mengharungi cabaran dan tidak pernah berserah kepada nasib semata-mata. Sebilangan besar responden percaya bahawa pendidikan yang cemerlang akan mengubah nasib mereka dan seterusnya mencipta masa depan. Pernyataan berikut yang menyokong penjelasan tersebut:

*Saya memang dari kecil bercita-cita tinggi. Bagi saya pelajaran sahaja yang boleh mengubah hidup saya.*  
(BU-R1)

*Kalau hari Sabtu Ahad tu kalau sekolah luar tu dah kena pergi tuisyen, tapi kami ni kena pergi kebun. Sebab pergi kebun kan penat. Jadi daripada situ kami teringin nak berusaha dan belajar bersungguh-sungguh.*  
(CU-R2)

Selain itu, kepentingan pendidikan bukan hanya disedari oleh ahli akademik AGF tetapi juga ibu bapa mereka. Walaupun, kebanyakan ibu bapa mereka tidak berpelajaran tinggi, tetapi mereka menitikberatkan aspek pendidikan dalam keluarga. Beberapa pengkaji yang lepas mengakui bahawa peranan dan sokongan daripada keluarga terutamanya ibubapa dapat mempengaruhi dan menggalakkan individu untuk menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan seterusnya meningkatkan pencapaian mereka (Cicchetti, 2010; Masten, 2011). Petikan di bawah memberikan gambaran situasi tersebut:

*Prinsip ayah saya selalu menekankan pendidikan, kerana pendidikan sahaja yang boleh mengubah kehidupan.*  
(AU-R5)

*Ayah sering mengingatkan kepentingan pelajaran dan pendidikan. Ingat kerja kuat dalam apa-apa kerja pun, buat bersungguh-sungguh.*  
(AU-R6)

*Mak bapa saya memang tidak berpelajaran tinggi. Tapi mereka menyokong setiap aktiviti yang kita lakukan di sekolah.*  
(BU-R3)

*Mak ayah saya tidak pandai menulis, eja pun kadang-kadang tak betul, tapi dia tahu kepentingan pendidikan.*  
(DU-R2)

Bagaimanapun, terdapat segelintir ahli akademik AGF yang merasa rendah diri semasa berada di alam persekolahan. Walaupun mereka mendapat keputusan yang cemerlang dalam bidang akademik dan terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti kokurikulum di sekolah, mereka merasakan anak FELDA sebagai kelompok masyarakat yang selalu dikaitkan dengan persepsi negatif dan perasaan ini masih kekal dalam diri responden sehingga kini.

Secara umumnya, dapatan menunjukkan ahli akademik AGF melihat pendidikan sebagai senjata utama dalam meningkatkan taraf hidup mereka. Mereka percaya pendidikan yang cemerlang dapat mengubah kehidupan keluarga dan membantu mereka keluar dari kepompong kemiskinan. Dapatan ini menunjukkan responden telah mampu berhadapan dengan pelbagai cabaran dan ini telah membantu mereka menetapkan sasaran yang bermakna untuk mencapai cita-cita. Ini diakui oleh Rosen *et al.* (2010) bahawa pendidikan di sekolah memainkan peranan penting dalam memupuk kemahiran dan meningkatkan keupayaan pelajar untuk lebih berdaya tahan.

Walaupun wujudnya keterbatasan dari segi infrastruktur, kemudahan pendidikan dan pendedahan kepada budaya ilmu di sekitaran Felda, ini tidak mempengaruhi motivasi mereka untuk berjaya malah telah membangkitkan semangat mereka untuk berusaha dan mencapai kejayaan. Dapatan ini menyokong pernyataan Al Siebert (2005) bahawa individu yang berdaya tahan mempunyai kebolehan untuk menukar sesuatu bencana atau nasib malang kepada sesuatu yang menguntungkan. Justeru, ahli akademik AGF yang berdaya tahan telah dapat membina tahap keupayaan yang tinggi untuk berhadapan dengan realiti dan menjadikan cabaran atau kekurangan kehidupan sebagai motivasi untuk lebih berjaya.

### 5.3 Kawalan

Kawalan dalam konteks kajian ini dilihat sebagai ciri dalaman atau kriteria yang dimiliki oleh individu dalam mengawal keadaan atau persekitaran (Maddi & Khoshaba, 2005). Berdasarkan dapatan temu bual, terdapat beberapa ciri daya tahan yang dikenal pasti dalam kalangan ahli akademik AGF. Namun, dapatan menunjukkan hanya terdapat tiga ciri daya tahan yang berulang dan tekal dalam kalangan ahli akademik AGF iaitu optimis; lokus kawalan dalaman; dan ketabahan.

#### 5.3.1 Optimis

Optimis boleh didefinisikan sebagai individu yang dapat menangani tekanan dengan cara tersendiri dan mengharapkan sesuatu yang positif berlaku pada masa depan (Luthans, 2007; Tugade & Fredrickson, 2004; Seligman, 2006). Dalam konteks kajian ini, optimis bermaksud individu yang sentiasa positif dalam apa jua keadaan dan memperbaiki situasi mereka ke arah yang lebih baik pada masa depan. Dapatan temu bual menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa kemiskinan hidup di sekitar FELDA bukanlah faktor penghalang kepada mereka untuk berjaya malah menjadikan mereka lebih berdaya tahan. Ini menggambarkan responden telah berupaya menerima realiti atau kenyataan hidup dan mampu menghadapi sebarang kemungkinan hidup. Individu optimis merupakan seseorang yang sentiasa mempunyai anggapan positif dan optimis terhadap apa yang akan berlaku pada masa depan (Seligman, 2006; Glick, 2006). Berikut kenyataan yang diberikan oleh responden:

*...tak semestinya kita miskin, kita tidak boleh berjaya. So, saya percaya bahawa akademik boleh mengubah kehidupan kita.*  
(DU-R4)

*...saya terfikir satu hari aku tak mau la naik motor, aku nak naik kereta. Jadi, saya ambil positif aku mesti naik kereta... kita ambil positif kelemahan kita tu, kita bawa ke depan.*  
(DU-R5)

#### 5.3.2 Lokus Kawalan Dalaman

Dalam konteks kajian ini, lokus kawalan dalaman bermaksud kepercayaan individu bahawa segala peristiwa yang berlaku dalam hidupnya adalah hasil tindakannya sendiri dan mereka bertanggungjawab atas keputusan yang dilakukannya (Al Sieber, 2005; Maddi & Khoshaba, 2005). Dapatan temu bual menggambarkan majoriti responden percaya bahawa mereka yang menentukan masa depan mereka sendiri dalam apa jua keadaan tanpa bersikap putus asa. Ini menunjukkan responden percaya dan bertanggungjawab dalam menentukan masa depan mereka. Suhairi *et al.* (2004) menyatakan bahawa individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman akan menjadikan mereka lebih cekap dalam menangani situasi yang berlaku dalam kehidupan tanpa bersikap putus asa. Berikut adalah pandangan mereka:

*...saya bukannya orang yang cerdik, bukannya orang yang bodohlah tapi tertolak daripada semangat untuk berjaya dalam hidup.*  
(DU-R1)

*...kesusahan itu menjadikan kita lebih bermotivasi dan lebih mempunyai hala tuju yang jelas untuk meningkatkan pendidikan.*  
(CU-R4)

#### 5.3.3 Ketabahan

Ketahanan dalam konteks kajian ini bermaksud kecenderungan untuk berhadapan dengan sebarang kesusahan dan bencana (Markman *et al.*, 2005). Dapatan temu bual menunjukkan responden (58.9%) berupaya dan mampu untuk terus terlibat dengan persekitaran berbanding menghindarinya. Mereka juga menetapkan sasaran yang bermakna untuk mencapai sasaran tersebut. Petikan di bawah memberikan gambaran situasi tersebut;

*...pengalamanlah yang membuatkan saya become stronger{menjadi lebih kuat}...Kadang-kadang ada satu stage {tahap}, saya rasa tak setaraf dengan rakan-rakan lain. Tapi masa SPM tu, saya berpegang pada prinsip hidup 'it doesn't matter where you come from'*  
(AU-R1)

*...sejak dari kecil, saya memang susah. Ada yang pandang keluarga kami teruk. Benda itulah membuatkan saya terdorong untuk membuktikan saya mampu berjaya macam orang lain.*  
(DU-R6)

Secara umumnya, dapatan ini menggambarkan bahawa dengan adanya ciri-ciri daya tahan dalam kalangan ahli akademik AGF, mereka telah berjaya mengharungi kesukaran di sekitar FELDA dan kini mereka telah berjaya menjadi ahli akademik. Mereka sentiasa optimis pada masa depan dan berusaha mencari penyelesaian kepada pelbagai jenis tekanan. Mereka lebih tertumpu kepada kekuatan yang mereka miliki berbanding mengambil tahu tentang sesuatu cabaran. Mereka akan mengharunginya dengan cara menetapkan sasaran yang bermakna dan berusaha dengan gigih untuk mencapai sasaran tersebut. Secara tidak langsung, ciri-ciri daya tahan tersebut telah membentuk mereka untuk lebih berkeyakinan dan mempunyai orientasi untuk lebih cemerlang dalam kehidupan. Hanya individu yang berdaya tahan boleh maju dalam pekerjaan dan berjaya menghadapi sebarang bentuk perubahan dengan cara berusaha mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang timbul (Maddi & Koshaba, 2005). Menurut Bandura (1997), dengan adanya ketabahan, seseorang individu itu dapat menangani masalah dan tekanan yang akhirnya mereka akan memperoleh kejayaan.

Berdasarkan amatan penyelidikan, antara ketiga-ketiga ciri daya tahan tersebut, iaitu optimis, lokus kawalan dalaman dan ketabahan, ciri yang paling menonjol dalam kalangan responden adalah optimis. Ini dapat dilihat apabila majoriti daripada responden bersetuju bahawa pendidikan yang cemerlang akan membantu mereka meningkatkan kualiti hidup seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka serta keluarga. Malah, kebanyakan ahli akademik AGF merupakan pelajar yang cemerlang dalam konteks akademik dan juga kokurikulum. Ini menunjukkan

bahawa mereka mempunyai sasaran dalam kehidupan untuk berjaya dan percaya kejayaan boleh diperolehi menerusi pendidikan yang cemerlang. Perkara ini diakui oleh Wagnlid & Collins (2009) bahawa individu yang berdaya tahan mempunyai hubungan positif dengan pencapaian akademik. Tahap intelektual individu boleh menjadi faktor daya tahan kepada individu yang pernah menjalani kehidupan susah dan individu yang berdaya tahan mampu melihat cabaran sebagai peluang untuk berkembang dengan lebih maju lagi (Gilligan, 2001; Couto, 2002).

## ■6.0 IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

Kajian ini telah mengenal pasti ciri daya tahan sekumpulan ahli akademik Anak Generasi Felda (AGF) dalam tiga aspek utama, iaitu penglibatan, menangani cabaran dan kawalan ketika mereka membesar di sekitaran FELDA. Hasil utama dapatan kajian menunjukkan faktor desakan dan kesempatan hidup sewaktu membesar dalam persekitaran FELDA menjadikan responden lebih berdaya tahan untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Mereka juga melihat cabaran sebagai peluang untuk berkembang dengan lebih maju. Ini secara tidak langsung menggambarkan ahli akademik AGF mampu mengharungi perubahan dan cabaran kehidupan mereka. Kebanyakan responden mempunyai ciri daya tahan optimis, lokus kawalan dalaman dan ketabahan. Namun, daya tahan optimis lebih menonjol dalam kalangan ahli akademik Anak Generasi Felda (AGF).

Secara keseluruhannya, pengalaman ahli akademik AGF telah memberi perspektif awal bagi memahami cabaran yang dihadapi oleh mereka dalam mengharungi kehidupan di sekitaran FELDA. Secara tidak langsung, ia telah membentuk ciri daya tahan dalam kalangan ahli akademik AGF untuk berhadapan dengan risiko dan kesukaran serta melakukan sesuatu tindakan dengan lebih baik dan positif. Dalam erti kata lain, individu berdaya tahan tidak akan mudah berputus asa kepada tekanan yang dihadapi, malah mereka menjadikan cabaran atau kekurangan itu sebagai faktor pendorong untuk lebih berjaya. Justeru, ahli akademik perlu memiliki ciri keyakinan dan daya tahan sebagai sumber yang dapat memberi daya penggerak untuk bertindak balas secara produktif dan proaktif dalam menjalankan pelbagai peranan akademik.

Dalam memainkan pelbagai peranan akademik, ahli akademik mempunyai tugas dan tanggungjawab yang memerlukan kepimpinan dan motivasi dalaman. Sorotan literatur banyak membincangkan Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) ahli akademik yang meliputi aktiviti pengajaran, penyelidikan dan sumbangan komuniti (Boyer, 1999; Glassick, 2000; Henderson, 2009; Norzaini et al., 2012). Selain tiga aktiviti tersebut, ahli akademik juga terlibat secara langsung dalam aktiviti pengurusan dan pentadbiran sama ada di peringkat jabatan, fakulti ataupun universiti (Norzaini et al., 2012). Analisis mengenai peranan ahli akademik menunjukkan ahli akademik menjalankan pelbagai peranan dan tugas yang kompleks untuk memenuhi keperluan institusi dan masyarakat awam. Ini memerlukan ahli akademik yang optimis, berdaya tahan dan berkeyakinan dalam melaksanakan tugas yang pelbagai serta memastikan tugas yang dilakukan sentiasa pada tahap cemerlang. Ahli akademik yang mempunyai daya tahan yang tinggi tidak akan tunduk kepada tekanan atau masalah yang dihadapi, malah mereka akan menetapkan sasaran yang bermakna dan berusaha dengan gigih untuk mencapai sasaran tersebut. Ciri ini akan membantu ahli akademik dalam memenuhi keperluan *KPI* yang ditetapkan oleh setiap institusi mereka.

Ahli akademik merupakan kelompok modal insan khas yang mengaplikasikan ilmu dan kepakaran sebagai asas untuk melaksanakan tugas dan peranannya. Pembangunan akademik banyak bergantung kepada keupayaan minda, sikap dan kemahiran membangun ilmu, sementara kecemerlangan akademik banyak bergantung kepada pendedahan, pengalaman dan lokus kawalan dalaman ahli akademik dalam meningkatkan keupayaan sendiri. Ini kerana kerjaya akademik sangat bergantung kepada motivasi sendiri yang mana setiap ahli akademik bebas untuk melakar kerjaya dan menentukan pembangunan kerjaya masing-masing. Justeru, pemilihan bakat akademik atau pensyarah baharu tidak seharusnya hanya berasaskan kelulusan akademik, tetapi perlu mengambil kira sifat kepimpinan, keterbukaan, daya tahan, keghairahan meneroka ilmu (mencari kebenaran) dan sifat sentiasa bersedia berkongsi ilmu. Ciri daya tahan khususnya ciri sentiasa bersikap optimis, berkeyakinan, cergas dan bertenaga, efikasi sendiri serta lokus kawalan dalaman akan dapat mendorong ahli akademik untuk mengambil inisiatif sendiri dalam pembangunan kerjaya serta mengoptimumkan peluang untuk bersaing di peringkat global.

Memandangkan ciri positif daya tahan boleh dipelajari atau dibangunkan supaya potensi yang ada dalam setiap individu dapat diserlahkan, dapatan kajian juga memberi implikasi kepada aspek pengurusan dan pembangunan bakat ahli akademik khususnya ahli akademik AGF. Tidak dinafikan, pengurusan dan pembangunan bakat akademik perlu memberikan tumpuan kepada pembangunan kesedaran akademik berasaskan keupayaan sebenar dan bagaimana ahli akademik menggunakan kekuatan intelek dan kawalan dalaman untuk mencapai kecemerlangan akademik. Justeru, perhatian perlu diberikan kepada semua aspek pembangunan iaitu intelektual, emosi, spiritual dan fizikal bagi menyediakan ahli akademik yang berwibawa, berintegriti dan profesional. Keupayaan intelek dan potensi akademik boleh dilihat dari aspek kemampuan mengasimilasi ilmu pengetahuan sedia ada, menganalisis data dan situasi, keghairahan meneroka ilmu dan kesediaan untuk mempelajari ilmu dan kemahiran baharu menerusi tugas yang diberikan. Personaliti dan sikap ahli akademik pula perlu dinilai dari aspek hubungan interpersonal, keupayaan bekerja dalam kumpulan, motivasi dan daya tahan dalaman, keghairahan meneroka ilmu baharu dan keterbukaan untuk mendokong objektif, misi dan visi institusi (Resick et al., 2007).

Oleh itu, usaha membangunkan ahli akademik generasi FELDA memerlukan pendekatan menyeluruh dengan mengambil kira pelbagai aspek. Sebagai contoh, aspek dalaman telah memberi gambaran bahawa pendorong kejayaan responden AGF adalah hasil daripada daya tahan, motivasi dalaman serta inisiatif sendiri. Kesusahan yang dialami sewaktu membesar telah dijadikan faktor pencetus kejayaan kepada ahli akademik generasi FELDA. Ciri daya tahan iaitu optimis, keyakinan, efikasi sendiri serta lokus kawalan dalaman yang telah dikenal pasti dalam kajian ini boleh digunakan sebagai asas kepada pembudayaan akademik cemerlang serta pembangunan potensi kepimpinan dalam kalangan ahli akademik AGF. Pasti golongan AGF memerlukan bimbingan dan latihan untuk membangunkan laluan kerjaya sebagai ahli akademik dan seterusnya meningkatkan kepimpinan akademik sama ada dari segi pengajaran, penyediaan, perkhidmatan atau pengurusan. Dari pemerhatian yang dijalankan sewaktu mengendalikan temu bual kumpulan berfokus, walaupun responden mempunyai daya tahan yang tinggi, namun 'sentimen *inferiority complex*' dirasakan masih wujud dalam kalangan sesetengah responden. Oleh itu, pemerhatian kepada sentimen ini adalah kritikal dan memerlukan penelitian lebih lanjut. Aspek ini perlu diambil kira dalam pembinaan modul dalam memperkasa kepimpinan ahli akademik generasi FELDA.

Profesion akademik di Malaysia telah menjadi satu cabang penyelidikan yang baharu. Oleh itu, kajian dalam bidang ini diperlukan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai ahli akademik dan faktor dalaman yang menyumbang kepada pembangunan dan kepimpinan akademik. Definisi ahli akademik adalah staf akademik yang bekerja di universiti dan institusi pengajian tinggi lain dalam kedudukan



penjawatan yang berbeza, dengan kontrak tugas yang berbeza dan peringkat kerjaya yang berbeza (Enders & Musselin, 2008; Musselin, 2013). Seperti yang ditakrifkan oleh Bowen dan Schuster (1986), ahli 'akademik' merujuk kepada sekumpulan ahli profesional yang bekerja di institusi pengajian tinggi dan terlibat secara langsung dalam pengajaran, penyelidikan, perkhidmatan awam, perkhidmatan institusi atau kombinasinya. Namun, bagi kebanyakan ahli akademik tulen, profesion akademik bukan hanya suatu pekerjaan, tetapi satu kerjaya yang memerlukan semangat mendalam serta keghairahan menjana dan memindah ilmu. Kapasiti intelek, nilai teras dalam keghairahan inilah yang mendasari segala urusan dan kewujudan profesion akademik. Justeru, semangat mendalam dan daya tahan dalaman perlu menjadi ciri asas ahli akademik dan ciri ini harus dipupuk dan dibangunkan melalui pelbagai mekanisme pembangunan profesionalisme.

### Penghargaan

Setinggi penghargaan kepada Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), Kementerian Pendidikan Malaysia kerana membiaya dana penyelidikan bertajuk 'Semai Bakti Menuai Budi: Memperkasa Kepimpinan Ahli Akademik dalam Kalangan Anak Generasi FELDA' sehingga memungkinkan hasil kajian diterbitkan bagi tujuan akademik dan pemindahan ilmu.

### Rujukan

- Abolmaali, K. & Mahmudi, R. (2013). The Prediction of Academic Achievement Based on Resilience and Perception of the Classroom Environment. *Open Science Journal of Education*, 1(1), 7–12.
- Al-Siebert. (2005). *The Resiliency Advantage: Master Change, Thrive Under Pressure & Bounce Back From Setbacks*. USA: Berrett-Koehler Publishers, Inc.
- Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusof dan Abdul Rahim. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan. Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The Exercise of Control*. New York: W. H. Freeman & Co.
- Benard, B. (1991). *Fostering Resiliency in Kids: Protective Factors in the Family, School, and Community*. Portland, OR: Western Center for Drug-Free Schools and Communities.
- Breland, J. W., Treadway, D. C., Duke, A. B. & Adams, G. L. (2007). The Interactive Effect of Leader Member Exchange and Political Skill on Subjective Career Success. *Journal of Leadership and Organizational Studies*, 13(3), 1–14.
- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. (2006). *Qualitative Research for Education: An Introductory to Theory and Methods*. 5th ed. Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Bowen, H. R. & Schuster, J. H. (1986). *American Professors: A National Resource Imperiled*. New York: Oxford University Press.
- Boyer, E. L. (1997). From Scholarship Reconsidered to Scholarship Assessed. *Quest*, 48(2), 129–139.
- Cicchetti, D. (2010). Resilience Under Conditions of Extreme Stress: A Multilevel Perspective. *World Psychiatry*, 9(3), 145–54.
- Coutu, D. (2002). How Resilience Works. *Harvard Business Review*, 80(5), 46–55.
- Enders, J., & Musselin, C. (2008). Back to the Future? The Academic Professions in the 21st Century. In *OECD (Ed.), Higher Education 2030*, vol 1: Demography. Paris: OECD.
- Felda. (2011). *Direktori FELDA 2011*. Kuala Lumpur: Penerbit FELDA.
- Fiksel, J. (2006). Sustainability and Resilience: Toward a Systems Approach. *Sustainability: Science, Practice & Policy*, 2(2), 1–8.
- Fredrickson, B. L. (2001). The Role of Positive Emotions in Positive Psychology: The Broaden-and-Build Theory of Positive Emotions. *American Psychologist*, 56, 218–226.
- Fraenkel, J. R. & Wallen, N. E. (2007). *How to Design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw-Hill.
- Fleming, J. & Ledogar, R. J. (2008). Resilience, an Evolving Concept: A Review of Literature Relevant to Aboriginal Research. *Journal of Aboriginal and Indigenous Community Health*, 6(2), 7–23.
- Gardner, J. S. & Dekens, J. (2007). Mountain Hazards and the Resilience of Social-ecological Systems: Lessons Learned in India and in Canada. In *Natural Hazards*, 41(2), 317–336.
- Gilligan, R. (2001) *Promoting Resilience: A Resource Guide on Working with Children in the Care System*. London: BAAF.
- Glassick, C. E., Huber, M. T. & Maeroff, G. I. (1997). *Scholarship Assessed: Evaluation of the Professoriate*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Glassick, C. E. (2000). Boyer's Expanded Definitions of Scholarship, The Standards of Assessing Scholarship, and the Elusiveness of the Scholarship of Teaching. *Acad Med*, 75, 877–880.
- Glennie, E. J. (2010). Coping and Resilience. In Rosen, Glennie, Dalton, Lennin, & Boswick (Eds.), *Noncognitive Skills in the Classroom: New Perspectives on Educational Research*. Research Triangle Park, NC: RTI International. Retrieved from <http://www.rti.org/pubs/bk-0004-1009-rosen.pdf>
- Glesne, C. (1999). *Becoming Qualitative Researchers: An Introduction*. 2nd ed. Canada: Longman
- Glicklen, M. D. (2006). *Learning from Resilient People: Lessons We Can Apply to Counseling and Psychotherapy*. Thousand Oaks, California: Sage Publication.
- Gottfredson, L. S. (1981). Circumscription and Compromise: A Developmental Theory of Occupational Aspirations. *Journal of Counseling Psychology Monograph*, 28, 545–579.
- Henderson, D. (2009). *Destigmatization: Understanding Its Role in the Relationship Between Racial Discrimination and Psychological Well-being Among African American Adolescents*. Poster presentation at Graduate Research Symposium, NC State University, Raleigh, NC.
- Heslin, P. A. (2003). Self and Other-Referent Criteria of Career Success. *Journal of Career Assessment*, 11, 262–286.
- Ibrahim Komoo, Norzaini Azman & Hafidah Umar (in press). Felda Penggerak Transformasi Masyarakat Desa. Dalam Norzaini Azman (ed.). *Semai Bakti Menuai Budi: Memperkasa Pembangunan Kepimpinan Akademik dalam Kalangan Ahli Akademik Anak Generasi Felda*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kimberly, A. & Gordon, R. (2001). Resilient Students' Goals and Motivation. *Journal of Adolescence*, 24(4), 461–472.
- Lent, R.W., Brown, S.D. & Hackett, G. (2000). Contextual Supports and Barriers to Career Choice: A Social Cognitive Analysis. *Journal of Counseling Psychology*, 47, 36–49.
- Luthans, F., Avolio, B. J., Avey, J. B. & Norman, S. M. (2007). Positive Psychological Capital: Measurement & Relationship with Performance & Satisfaction. *Personnel Psychology Journal*, 60, 541–572.
- Maddi, S. R., & Khoshaba, D. M. (2005). Resilience at Work: How to Succeed No Matter What Life Throws at You. *Managerial Psychology*, 19 (2), 88–110.
- Marden, O. S. (2006). *Ambition and Success*. Selangor: Masterpiece Publications Sdn. Bhd.
- Masten, A.S. (2001). Ordinary Magic: Resilience Process in Development. *American Psychologist*, 56, 227–238.
- Masten, A. S. (2011). Resilience in Children Threatened by Extreme Adversity: Frameworks for Research, Practice, and Translational Synergy. *Development and Psychopathology*, 23(2), 493–506.
- Merriam, S. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Miles, M. B., & Huberman, M. A. (1994). *Qualitative Data Analysis: A Sourcebook of New Methods*. 2nd ed. Newbury Park, CA: Sage.
- Musselin, C. (2013). Redefinition of the Relationships Between Academics and Their University. *Higher Education*, 65, 25–37.
- Narayanan, A. (2008). The Resilient Individual: A Personality Analysis. *Journal of the Indian Academy of Applied Psychology*, 34, 110–118.

- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Perpustakaan Negara Malaysia: McGraw-Hill Malaysia
- Noraini Idris. (2004). Mobiliti Sosial di Kalangan Generasi Kedua FELDA. *Akademika*, 64(1), 83–95.
- Norzaini Azman, Morshidi Sirat & Mohd Ali Samsudin. (2012). An Academic Career in Malaysia: A Wonderful Life, or Satisfaction not Guaranteed? In Goegebuure, L., Meek, L. & Dobson, I. (2013). *'I can get no.....' Job Satisfaction around the Academic World*. Advice from the CAP survey. Springer: Netherland. 167–186.
- Norzaini Azman, Ibrahim Komoo, Mohd Izani Mohd Zain, Faizah Abdul Majid, Norshidah Mohamed Nordin, Sharina Abdul Halim, Yusliza Yusoff & Roslina Ismail, Zainal Abidin Sanusi. (2014). Laporan kajian 'Semai bakti Menuai budi: Memperkasakan kepimpinan akademik dalam kalangan generasi FELDA. AKEPT, Nilai. 258p.
- Mairean, C. & Turliuc, M. N. (2011). Risk and Resilience in Children: The Role of Sosial Support. *Journal of the National Network for Professional*, 16–29.
- Resick, C. J., Baltes, B. B. & Shantz, C. (2007). Person-organization Fit and Work Related Attitudes and Decisions: Examining Interactive Effects with Job Fit and Conscientiousness. *Journal of Applied Psychology*, 92(5), 1446–1455.
- Rosen, J. A., Glennie, E. J., Dalton, B. W., Lennon, J. M., & Bozick, R. N. (2010). Noncognitive Skills in the Classroom: New Perspectives on Educational Research. Retrieved from <http://www.rti.org/pubs/bk-0004-1009-rosen.pdf>.
- Russel, J. & Russel, L. (2006). *Change Basics*. USA: ASTD Press.
- Schulenberg, J., Goldstein, A. E. & Vondracek, F. W. (1991). Gender Differences in Adolescents' Career Interests: Beyond Main Effects. *Journal of Research on Adolescence*, 1, 37–61.
- Seibert, S.E., Kraimer, M.L. & Liden, R. (2001). A Social Capital Theory of Career Success. *Academy of Management Journal*, 44(2), 219–237.
- Seligman, M. E. P. (2006). *Learned Optimism: How to Change Your Mind and Your Life*. New York: Random House.
- Tugade, M. M. & Fredrickson, B. L. (2004). Resilient Individuals Use Positive Emotions to Bounce Back from Negative Emotional Experiences. *Journal of Personality and Social Psychology*, 86(2), 320–333.
- Turner, S. & Coen, S. E. (2008). Member Checking in Human Geography Interpreting Divergent Understandings of Performativity in a Student Space. *Journal Compilation Royal Geographical Society*, 1, 1–14.
- Utusan. (2010). 1,567 anak peneroka FELDA miliki PhD. [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0701&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mb\\_05.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0701&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mb_05.htm).
- Waaktar, T., Christine, H. J., Borge, A. I. H., & Torgersen, S. (2004). How Can Young People's Resilience Be Enhanced? Experience from a Clinical Intervention Project. *Clinical Child Psychology and Psychiatry*, 9(2), 167–183.
- Walsh, F. (2003). Family resilience: A framework for clinical practice. *Family Process*, 42: 1–18.
- Wagnlid, G. M. & Collins, J. A. (2009). Assessing Resilience. *Journal of Psychosocial Nursing and Mental Health Services*, 47(12), 28–33.